

7 JULAI 2012

BERITA SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT



Menteri
lawat India
sempena
POTS 2012

Berita Sawit 3



Penyelidikan MPOB hasilkan teknologi dan inovasi baru

» Pendekatan tingkat pertumbuhan, kemajuan industri sawit

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan berjaya menghasilkan teknologi, teknik dan inovasi baru yang berupaya meningkatkan pertumbuhan dan kemajuan industri minyak sawit negara.

Sebagai peneraju dalam bidang penyelidikan dan menghasilkan teknologi baru bagi industri minyak sawit, MPOB sehingga kini, membangunkan lebih 500 teknologi baru untuk diguna pakai oleh industri yang meliputi sektor hulu, pertengahan dan hiliran.

Ini termasuk penghasilan produk makanan, fitonutrien, formulasi baja, mekakisasi ladang, biodiesel, oleokimia, penjagaan diri, pencuci dan biomas berasas sawit yang tersedia untuk dikomersialkan yang mempunyai potensi menjana pendapatan melebihi RM2 bilion setahun.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Pemindahan Teknologi atau Transfer of Technology Seminar (TOT) 2012 di Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, penganjuran seminar TOT yang diadakan pada setiap tahun adalah platform penting bagi mengetengahkan penemuan terkini hasil penyelidikan MPOB yang dapat dimanfaatkan industri sawit.

Seminar ini turut menyediakan ruang dan peluang pengkomersialan teknologi berkaitan industri sawit bagi memacu pertumbuhan industri sawit dan sekali gus meningkatkan ekonomi negara.

Seminar ini turut menyediakan ruang dan peluang pengkomersialan teknologi berkaitan industri sawit bagi memacu pertumbuhan industri sawit dan sekali gus meningkatkan ekonomi negara.

Pantas tangani cabaran

Sempena seminar TOT 2012, MPOB memperkenalkan 27 teknologi baru dan 13 perkhidmatan untuk dikomersialkan kepada industri dan syarikat tempatan yang berminat.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, industri perlu peka dan bertindak pantas menangani cabaran dan halangan yang memperlambatkan pertumbuhan industri seperti masalah penyakit pokok sawit dan kekurangan tenaga kerja.

Pihak industri perlu mengguna pakai teknologi dan inovasi baru hasil penyelidikan MPOB bagi menangani penyakit Reput Pangkal Batang (RPB) pokok sawit yang disebabkan oleh kulat Ganoderma.

Penyelidikan MPOB telah menghasilkan teknologi bagi mencegah, mengenal pasti, me-



Tan Sri Bernard Dompok semasa majlis perasmian Seminar TOT MPOB 2012. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (kanan), Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, M.Nagarajan (kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri).

ngurus dan mengubati penyakit RPB dan sempena TOT kali ini MPOB memperkenalkan teknologi baru bagi meminimalkan serangan dan penyebaran kulat Ganoderma yang menyebabkan terjadinya penyakit RPB.

Tingkat mekanisasi ladang

Tan Sri Bernard Dompok turut menggesa industri terutama sektor perladangan supaya meningkatkan penggunaan mekanisasi ladang bagi menangani masalah

kekurangan pekerja ladang.

Katanya, kekurangan pekerja ladang bukan masalah baru dan penggunaan jentera adalah langkah wajar yang perlu dilakukan oleh industri.

Sehingga kini, penyelidikan MPOB telah menghasilkan mekanisasi bagi kerja seperti penguipaan dan pengangkutan BTS, aplikasi pembajaan dan penuaian buah sawit.

Sempena TOT 2012, MPOB memperkenalkan dua jentera ba-

ru, itu 'Beluga' bagi memudahkan urusan kerja ladang di tanah gambut dan tanah lembut. Satu lagi jentera pengutip buah sawit relai berupaya mengutip sehingga setengah tan buah relai setiap hari.

Turut hadir Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, M Nagarajan dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2012

10-11 September 2012 Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah

"Pengerak Transformasi Sawit Negara"

Dirasikan Oleh:

Y.B. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia

OBJEKTIF

- Menyampaikan teknologi baru berkaitan penanaman sawit dan perkembangan terkini dalam industri sawit.
- Menyuntik semangat kepada pekebun kecil, agen pembangunan, pegawai agensi dan individu yang terlibat dalam industri sawit sebagai penggerak transformasi sawit negara.
- Menyediakan ruang berinteraksi, pertukaran idea dan pengalaman di kalangan peserta seminar.

SIAPA YANG PATUT HADIR

- Warganegara Malaysia yang terdiri daripada:
 - Pekebun kecil individu
 - Pekebun kecil terusun di bawah agensi pertanian kerajaan
 - Penguasaha estet sederhana
 - Peniaga sawit

- Pengurus / Penyelia estet mini agensi
- Pembekal input pertanian
- Ahli akademik
- Penuntut universiti
- Pegawai Pembangunan dan Mereka yang berminat dengan industri sawit

YURAN PENDAFTARAN
RM350.00 termasuk bahan persidangan, makan dan minum sepanjang persidangan.

PERTANYAAN
Pendaftaran Persidangan
Norhaliza Kasimari / Salmah Hussin
Tel: 03-8769 4570 / 03-8769 4873
Faks: 03-8925 7549 / 03-8926 1202
E-mel: eija@mpob.gov.my / salma@mpob.gov.my


Pendaftaran Pameran
Che Johari Mamat
Tel: 03-8769 4583
Faks: 03-8926 1337
E-mel: mjohari@mpob.gov.my

Teknikal
Hamdan Abu Bakar
Tel: 03-8769 4551
Faks: 03-8922 3119
E-mel: hamdan@mpob.gov.my

Khairuman Hashim
Tel: 03-8769 4984
Faks: 03-8922 3119
E-mel: murhanani@mpob.gov.my

Nur Hanani Mansor
Tel: 03-8769 4257
Faks: 03-8925 9642
E-mel: nurhanani@mpob.gov.my

Pengumuman



FAKTA NOMBOR

27 teknologi

diperkenal sempena seminar TOT 2012 untuk dikomersialkan

13 khidmat



Tan Sri Bernard Dompok (tiga dari kiri) semasa majlis perasmian **Seminar Perdagangan Minyak Sawit (POTS) 2012 India**. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan) dan Tan Sri Dr Yusof Basiron (dua dari kanan).

Menteri lawat India sempena POTS 2012

» *Kunjungan perkukuh kerjasama perdagangan dua hala*

Oleh **Subashini Nadras**
subashini@mpob.gov.my

► **Mumbai**

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, mengetuai misi lawatan kerja ke India pada 3 hingga 8 Jun lalu, sempena Seminar Perdagangan Minyak Sawit (POTS) India, di sini.

Selain bertujuan mengukuhkan kerjasama perdagangan dua hala dengan India, beliau juga mengambil peluang membincangkan isu-isu berkaitan perdagangan komoditi membabitkan kedua-dua negara disamping meneroka dan meningkatkan peluang perdagangan minyak sawit, getah dan kayu-kayan dengan negara itu.

Wakil dari Lembaga Minyak Sawit (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Majlis Kayu Ka-

yan Malaysia (MTC) dan Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) turut serta dalam misi lawatan berkenaan.

Turut serta dalam lawatan berkenaan ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, Dato' Tan Seng Sung. Dele-gasi MPOB diketuai Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May dan disertai pegawai daripada Unit Khidmat Nasihat Teknikal.

Sewaktu di New Delhi, Tan Sri Bernard Dompok mengadakan perbincangan dua hala bersama dengan Menteri Kewangan, Menteri Pertanian dan Menteri Hal Ehwal Pengguna, Makanan dan Penge-daran Awam India. Perbincangan itu turut disertai oleh wakil agensi dan industri Malaysia.

Beberapa isu penting dibin-

cangkan seperti struktur cukai minyak sawit, bantuan teknikal penanaman sawit di India dan penyeragaman penggunaan spesifikasi Free Fatty Acid (FFA) untuk pengimportan minyak sawit serta isu kerjasama pertukaran khidmat teknikal.

Pada lawatan itu, Tan Sri Bernard Dompok turut menyampaikan ucapan dan merasmikan Malaysia - India Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS India) 2012 di Mumbai berlangsung dari 7 hingga 8 Jun. Penganturan POTS India adalah siri ketiga untuk menyebarkan maklumat perkembangan industri minyak sawit. POTS India di ITC Maratha Hotel, Mumbai dengan tema 'Menangan Cabaran Global Melalui Perkongsian

INFO

POTS India

● Diadakan di Mumbai pada 7 hingga 8 Jun untuk menyebarkan maklumat industri minyak sawit.

Sesi konsultasi bincang isu sawit

Oleh **Noor Asmawati**
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Seri Kembangan: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan terus berusaha melaksanakan inisiatif bagi menggalakkan pertumbuhan dan peningkatan daya saing industri sawit dalam jangka panjang.

Kerajaan mengambil inisiatif

“*Semua pihak dalam industri wajar meningkatkan kecekapan produktiviti*”

Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

serius mengenai permasalahan dan cabaran yang dihadapi industri sawit termasuk sektor hiliran dan mengambil perhatian serius saranan yang dikemukakan oleh pihak industri ke arah peningkatan daya saing industri sawit yang kompetitif di peringkat antarabangsa, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok ketika berucap di Sesi Konsultasi Industri Komoditi 2012 bersama pihak industri sawit, di sini, baru-baru ini.

Malaysia pertimbang eksport benih sawit

» *Permintaan tinggi mampu beri pendapatan tambahan kepada syarikat pengeluar*

KUALA LUMPUR: Malaysia akan memberi pertimbangan untuk membenarkan pengeksportan biji benih sawit kepada negara yang menanam sawit berikutan permintaan ke atas benih komoditi itu sangat tinggi, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

“Kementerian saya akan membuat perbincangan dengan pihak industri mengenai perkara ini untuk menimbang kesan-kesannya, namun kita tidak akan membuat keputusan secara tergesa-gesa mengenainya,” katanya.

Keutamaan bekalan anak benih pada masa ini adalah kepada penanam sawit dalam negara terutama kepada mereka yang terabit dengan tanam semula.

Tambahan pendapatan

“Pengeksportan biji benih ke luar negara akan memberi tambahan pendapatan kepada syarikat pengeluar dan kini, Malaysia menghasilkan 80 juta biji benih setiap tahun dan dari jumlah itu, 50 juta digunakan untuk tanaman dalam negara dan selebihnya akan dipertimbangkan untuk dieksport.

“Saya akan mengemukakan satu cadangan kepada kerajaan untuk membolehkan biji benih sawit di eksport ke luar negara terutama negara yang berminat untuk menceburi perladangan sawit,” katanya kepada BERNAMA di Mumbai, India, selepas menemui Menteri Hal Ehwal Pengguna, Makanan dan Penagihan Awam India, Profesor Kurupassery Varkey Thomas.

Sewaktu di India Bernard ber-

“**Kementerian akan membuat perbincangan dengan pihak industri mengenai perkara ini untuk menimbang kesan-kesannya**”

Bernard Dompok

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

bincang isu perdagangan dua hala, antara lain yang dibincangkan adalah berkaitan isu asid lemak debas dan struktur cukai pengeksportan minyak sawit.

Beliau juga akan memanjangkan cadangan dan permintaan kerajaan India kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengeksport gandum dan beras ke Malaysia.

Bernard mengadakan lawatan kerja selama lima hari di India untuk menggalakkan perdagangan komoditi minyak sawit, getah dan kayu-kayuan sempena Seminar Perdagangan Minyak Sawit (POTS) India 2012.

Beliau turut menyampaikan ucapan serta merasmikan POTS 2012 yang merupakan acara anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Permintaan tinggi

Bernard berkata, biji benih sawit dari Malaysia mendapat permintaan yang sangat tinggi berikutan kualiti dan keupayaan menghasilkan buah tandan segar melebihi 30 tan/ha/tahun. – BERNAMA



Tan Sri Bernard Dompok mempengerusikan sesi **Konsultasi industri Komoditi 2012** bersama pihak industri sawit.

Amalan efisien kurang kesan penurunan harga

☉ Dari muka 2

Menurutnya lagi, dalam situasi prestasi harga minyak sawit yang tidak menentu dengan mencatatkan arah menurun akan menjejaskan pendapatan industri khususnya sektor hulu dan kepebum kecil.

“Justeru semua pihak dalam industri wajar mengambil langkah bagi meningkatkan kecekapan produktiviti dan pengurangan kos melalui amalan yang efisien bagi mengurangkan kesan penurunan harga sawit,” katanya.

Beliau berkata, penganjuran sesi dialog atau konsultasi yang membabitkan penyertaan semua pihak dalam industri sawit menyediakan ruang kepada pihak Kementerian dan MPOB bagi mendapatkan maklum balas mengenai pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dan saranan ke arah mempertingkatkan kemajuan industri sawit negara.

“Perbincangan dua hala dan konsultasi adalah penting bagi meningkatkan kesefahaman ke arah peningkatan prestasi industri sawit sebagai salah satu

penjana utama ekonomi negara.

Menurutnya lagi, pada sesi dialog dan konsultasi kali ini, antara isu yang diketengahkan oleh industri termasuk pelaksanaan dasar bagi peningkatan daya saing industri sawit.

“Isu lain yang dibangkitkan turut membabitkan bidang penyelidikan seperti keperluan bahan tanaman berkualiti, kawalan penyakit dan serangga perosak, biosekuriti, mekanisasi, penggunaan biojisim sawit, kempen anti minyak sawit dan pensijilan minyak sawit mampan.

“Isu-isu ini adalah antara cabaran yang perlu ditangani bersama bagi menjamin daya saing industri sawit,” katanya.

Katanya, maklum balas pihak industri adalah penting bagi menambah baik perkhidmatan yang disediakan oleh MPOB seperti aktiviti kawal selia, peraturan pelesenan dan khidmat nasihat.

Pada tahun ini, MPOB telah mengadakan sebanyak empat sesi konsultasi dengan pihak industri yang membabitkan penyertaan wakil industri.

Pengerusi Zoos Victoria lawat ladang MPOB

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

► Sandakan

Pengerusi Zoos Victoria, Andrew E. J. Fairley mengadakan lawatan sambil belajar ke ladang dan kilang minyak sawit milik IJM Plantations Berhad, di sini, baru-baru ini. Lawatan itu diatur Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Lawatan itu adalah atas jemputan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad sewaktu mengunjungi Zoos Victoria, Australia pada Februari lalu bagi memberi peluang kepada Andrew E. J. Fairley melihat sendiri ladang dan kilang minyak sawit yang diurus secara mampan di Malaysia.

Pada 2009, Zoos Victoria melancarkan kempen *Don't Palm Us Off* bertujuan mendedahkan tindakan yang boleh diambil oleh pengguna di Australia bagi usaha pemuliharaan orang utan kesan penanam sawit. Kempen ini menggesa proses pengeluaran minyak sawit perlu diurus secara mampan dan melabel secara



Andrew Fairley **menuai tandan sawit** ketika melawat ladang milik IJM Plantations Berhad, di Sandakan.

mandatori pada bungkusan produk makanan yang mengandungi minyak sawit.

Kempen Don't Palm Us Off menarik ramai para selebriti menyertainya dan mempelawa orang ramai menurunkan tandatangan bagi menolak dan tidak mengguna produk yang mengandungi minyak sawit.

Sewaktu di Pusat Latihan, Kua-

liti dan Penyelidikan IJM Plantations Berhad di Ladang Sijas, Andrew E. J. Fairley diberi taklimat mengenai aktiviti penyelidikan berterusan terutama penghasilan anak benih berkualiti, kawalan perosak dan penyakit pokok sawit bagi memastikan peningkatan hasil buah tandan segar sekali gus meningkatkan pengeluaran minyak sawit.

300 sertai POTS 2012

☉ Dari muka 2

Inovatif menawarkan kepada peserta peluang bertukar pandangan dan meneroka prospek perniagaan berkaitan aplikasi minyak sawit dalam makanan dan bukan makanan.

Seramai 300 peserta menyertai POTS 2012 yang terdiri dari wakil industri minyak sawit Malaysia dan industri minyak dan lemak India.

POTS India 2012 dianjurkan MPOC dan MPOB dengan kerjasama persatuan minyak dan lemak tempatan India iaitu Solvent Extractors Association of India (SEA of India),

Central Organisation for Oils Industry and Trade (COOIT), India Vanaspati Producers Association (IVPA) dan Vanaspati Manufacturers' Association of India (VMA).

Sebanyak dua belas kertas kerja dibentangkan pada sesi seminar POTS India yang merangkumi pelbagai aspek industri minyak sawit. Antaranya pembangunan pasaran, cabaran industri minyak sawit dan lemak di India dan prospek masa depan.

Datuk Dr Choo membentangkan kertas kerja mengenai kegunaan minyak sawit dalam sektor makanan dan bukan makanan yang meliputi industri oleokimia, biojisim dan biofuel.

FAKTA NOMBOR

12 kertas kerja

dibentangkan pada sesi seminar POTS India

MPOB sertai, meriahkan JJD

» Pamer program dianjurkan, perkenal skim tanaman semula sawit

Oleh Che Johari Mamat
johari@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersama agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menyertai Program Jelajah Janji Ditepati (JJD) anjuran Jabatan Perdana Menteri sepanjang bulan Jun lalu.

Program itu bermula di Kulim, Kedah pada 9 Jun yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, diikuti di Kamunting, Perak 17 Julai dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Program JJD terbaru adalah di Melaka pada 23 Jun lalu yang dirasmikan oleh Datuk Seri Najib Razak.

Program JJD dirancang di bawah falsafah 1Malaysia bertujuan memberi semangat, kekuatan serta motivasi untuk terus mara dan berkembang menjadi sebuah falsafah nasional, kata Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak sewaktu berucap merasmikan Program JJD di Melaka.

Katanya, Kerajaan bukan saja memperkenalkan falsafah 1Malaysia, malah komited melaksanakan janji di bawah falsafah itu.

"1Malaysia yang bermula sebagai sebuah konsep dan dengan sokongan serta dorongan berte-

“**la kini sudah berkembang menjadi falsafah nasional yang membawa inspirasi dalam menyatupadukan rakyat”**

Najib Razak
Perdana Menteri



Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim menyampaikan produk makanan berasas sawit berhadapan gerai pameran MPIC sempena Program Jelajah Janji Ditepati di Kamunting, Taiping. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (kiri).

rusan rakyat jelata, ia kini sudah tumbuh berkembang menjadi falsafah nasional yang benar-benar membawa inspirasi dan tenaga baru dalam menyatupadukan rakyat,” katanya.

MPOB menyertai program itu dengan mempamerkan pelaksanaan program-program memabihkan rakyat jelata terutama pekebun kecil sawit dan program di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) Minyak Sawit.

Selaras tema Janji Ditepati, program Skim Bantuan Tanam Baru dan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit serta Skim Diskaun Cantas untuk penanam sawit diwar-warkan dalam setiap pameran program JJD.

Selain itu, MPIC bersama MPOB dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut mempamerkan status pencapaian NKEA sawit dan getah.

Sehingga tahun 2011, industri

sawit dan getah mencatat pencapaian 98 peratus dalam keseluruhan 12 Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA.

Usaha gigih akan diteruskan oleh pasukan NKEA di MPIC bagi memastikan sasaran akhir sumbangan sebanyak RM230.9 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI), iaitu RM178 bilion bagi sawit dan RM52.9 bilion bagi getah akan dapat dicapai menjelang tahun 2020.

MPOB, JARO anjur bengkel sabun, lilin

Oleh Zailan Abu Bakar
zailan@mpob.gov.my

► Johor Bahru

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama

Pertubuhan Pemulihan Kawasan Negeri Johor (JARO) mengadakan bengkel pembuatan sabun dan lilin berasas sawit di Dewan Besar, Bangunan JARO, di sini, baru-baru ini.

JARO adalah badan sukarela yang berdaftar dan menguruskan bengkel kemahiran bagi keperluan pemulihan sosio ekonomi orang kurang upaya (OKU) di kawasan Johor Bahru.

Seramai 63 peserta terdiri daripada OKU, ahli pertubuhan sukarela tempatan, kakitangan JARO, kakitangan kerajaan dan pelajar sekolah menyertai bengkel



Pengerusi JARO, Dato' Jimmy Low Boon Hong menyampaikan cenderamata kepada peserta bengkel pembuatan sabun dan lilin. Turut kelihatan Dr Hazimah Abu Hassan (kiri).

berkenaan.

Tujuan bengkel itu diadakan adalah untuk memberi pengetahuan asas mengenai cara membuat sabun dan lilin disamping mendedahkan peranan MPOB.

Perasmian bengkel itu disempurnakan Timbalan Pengerusi JARO, Profesor Mohd Afifi Abdul Mukti, diikuti dengan pembentangan

tiga kertas kerja oleh pegawai MPOB.

Pengarah Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia MPOB, Dr Hazimah Abu Hassan mem-

benangkan kertas kerja mengenai teknologi dan produk yang dibangunkan hasil penyelidikan MPOB khususnya di dalam sektor hiliran yang berkaitan dengan industri oleokimia.

Kertas kerja kedua, "Penghasilan Sabun: Peluang Perniagaan Untuk PKS" disampaikan Norashikin Ahmad dan kertas kerja ketiga bertajuk "Prospek Pembuatan Lilin Berasaskan Sawit" oleh Dr Lim Wen Huei. Sesi pembentangan kertas kerja dibantu penterjemah bahasa isyarat bagi memenuhi keperluan peserta OKU.

Selepas sesi pembentangan kertas kerja, demonstrasi pembuatan sabun lutsinar dan gel lilin dijalankan yang memberi peluang kepada peserta menghasilkan sabun lutsinar dan gel lilin dengan tunjuk ajar petugas MPOB.

Meterai enam perjanjian

Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memeterai perjanjian persefahaman dengan enam syarikat tempatan mengenai projek penyelidikan dan pembangunan industri sawit.

Majlis berkenaan diadakan sempena Seminar Pemindahan Teknologi 2012 anjuran MPOB, disaksikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok (kanan), baru-baru ini.

Perjanjian antara MPOB dengan Malaysian Agri Hi-tech Sdn Bhd; Bioscience Environmental Health (M) Sdn Bhd; Mizou Holdings Sdn Bhd; Felcra Processing & Engineering Sdn Bhd; I-NAI Green Sdn Bhd dan PU Profile Sdn Bhd.

Perjanjian dengan Malaysian Agri Hi-tech Sdn Bhd ditandatangani bagi pengeluaran besar-besaran produk MPOB Bt1, Ecobac-1 (EC) and Bafog-1 (S) kawalan ulat bungkus. Perjanjian ditan-

datangi Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Pengarah Urusan Malaysian Agri Hi-tech Sdn Bhd, Norhayati Md Taib.

Bagi perjanjian dengan syarikat Bioscience Environmental Health (M) Sdn Bhd yang diwakili Pengarah Urusannya, Wong Kim Swee mengenai semburan racun serangga mikroemulsi berasaskan sawit. Semburan racun serangga adalah tidak mudah terbakar dan selamat.

Mizou Holding Sdn Bhd menandatangani bagi pembangunan prototaip kenderaan pengangkut pelbagai guna untuk kegunaan ladang tanah gambut. Mizou Holding Sdn Bhd diwakili Pengarah Eksekutifnya, Hartini Hasan.

Felcra Processing & Engineering Sdn Bhd yang diwakili Pengarah Urusannya, Azhar Ahmad menandatangani perjanjian bagi pengkomersialan santan berasaskan sawit. Berdasarkan perjanjian berkenaan, Felcra akan memperkenalkan santan berasaskan sawit dalam pasaran segmen industri makanan.



Poliuretana sawit lebih eksklusif, mesra alam

»Produk hiasan PU ringan, mudah dipasang

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bharian.com.my

Kebimbangan terhadap berlaku kekurangan bekalan sumber berasaskan petroleum dan pencemaran alam sekitar yang semakin meningkat akibat daripada aktiviti manusia mendorong pengilang, pengusaha dan pembuat barangan beralih kepada bahan mentah yang mesra alam.

Sehubungan itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah mempergiatkan aktiviti penyelidikan untuk mencari bahan alternatif kepada sumber berasaskan petroleum dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap sumber berkenaan selain memenuhi permintaan terhadap produk hijau yang semakin menjadi permintaan ramai.

Pegawai Penyelidik MPOB, Kosheela Devi, ketika ditemubual baru-baru ini berkata, penyelidikan dan pembangunan ke atas produk polioliol berasaskan sawit bakal mengurangkan kebergantungan terhadap bahan mentah berasaskan petroleum.

Kosheela menjelaskan, polioliol adalah salah satu daripada bahan mentah utama yang digunakan dalam penghasilan produk poliuretana (PU) yang mana teknologi pengeluaran polioliol berasaskan sawit dipatenkan oleh MPOB di Malaysia, China dan Amerika Syarikat dan digunakan untuk menghasilkan produk 'hijau' tanpa mengenyakan kualiti dan ketahanan yang memenuhi kehendak pengguna.

Laksana kajian, penyelidikan
Beliau berkata, kebiasaannya produk hiasan diperbuat daripada kayu yang diukir dan gipsum serta konkrit yang diperkuat dengan gentian kekaca serta masalah berat produk hiasan yang dihasilkan, MPOB melalui bahagian kemajuan teknologi oleokimia diketuai oleh Dr Hazimah Abu Hassan telah menjalankan projek penyelidikan untuk meng-

hasilkan produk hiasan alternatif berasaskan PU yang jauh lebih ringan dan mesra alam.

"Pengeluar produk hiasan juga mula mengalihkan minat mereka ke arah produk berasaskan PU disebabkan kelebihan yang ditawarkan oleh produk hiasan berasaskan PU seperti ringan, mudah dipasang, kestabilan dimensi, kekuatan struktur, tidak telap air dan tidak diserang anai-anai.

"Tambahan pula, sifat fizikal bahan mentah PU yang berada dalam bentuk cecair menawarkan fleksibiliti unik yang membolehkannya dibentuk mengikut acuan yang dikehendaki sama ada corak yang mudah atau kompleks," katanya.

Menang beberapa anugerah

Beliau berkata, pada majlis perasmian TOT 2012, MPOB memperkenalkan produk hiasan berasaskan PU yang boleh digunakan untuk menghiasi bangunan supaya kelihatan lebih eksklusif mengikut cita rasa yang diinginkan.

Apatah lagi, tambah beliau, produk hiasan PU berasaskan sawit memenangi beberapa anugerah di peringkat antarabangsa dan kebangsaan antaranya pingat emas sempena pameran "International Trade Fair - Idea-Inventions-New Products 2011 di Jerman dan 5th International Warsaw Invention Show 2011 di Poland, pingat gangsa dalam pertandingan "Produk Islam Paling Inovatif" di pameran I-NOVA, 2010 dan anugerah "Produk Paling Inovatif" sempena ITEX 2009.

Selain Kosheela, antara pegawai-pegawai penyelidik yang terlibat dalam projek ini ialah Dr Yeong Shoot Kian, Tuan Noor Maznee, Nurul Ain dan Mohd Norhisham.

Sementara itu katanya, dari sudut pemasaran, MPOB akan bekerjasama dengan I-NAI Green Sdn Bhd sebuah syarikat reka bentuk perhiasan seni bina yang terkemuka di Malaysia dan PU Profile Sdn Bhd, pengeluar utama acuan poliuretana seni bina dan pengeluar produk perhiasan poliuretana di Malaysia.

"Produk hiasan PU yang dihasilkan melalui kerjasama tiga hala iaitu MPOB, I-NAI Green Sdn Bhd dan PU Profile Sdn Bhd bakal menggabungkan teknologi dan bahan hijau yang baru dengan rekaan seni bina yang unik dan tersendiri.

Kerjasama ini bakal membolehkan generasi baru mewarisi keindahan dan kecantikan reka bentuk seni bina yang halus serta elegan berasaskan sawit yang lebih mesra alam," katanya.



Pegawai Penyelidik MPOB, Kosheela Devi a/p Poo Palam (kiri), Tuan Maznee Tuan Ismail dan Dr Yeong Shoot Kian (kanan) bersama produk hiasan dan pengola yang dihasilkan dari poliuretana (PU) berasaskan sawit.

Announcement

MPOB

International OIL PALM BIOMASS Conference 2012

20-21 September 2012 • Istana Hotel, Kuala Lumpur

ENQUIRIES
 Ruba'ah Masri 03-8769 4567
 rubaah@mpob.gov.my
 Siti Aishah Marjunid 03-8769 4873
 aisah@mpob.gov.my

Organised by
MALAYSIAN PALM OIL BOARD
 MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES, MALAYSIA
 www.mpob.gov.my

Oleh NorKaspi Khasim
kaspim@mpob.gov.my

Dasar Pertanian Negara Ketiga menggariskan peningkatan produktiviti bagi penggunaan sebidang tanah pertanian yang diusahakan. Menyedari hakikat ini, MPOB mengenalpasti aktiviti integrasi tanaman dan ternakan perlu dipergiatkan di kawasan tanaman sawit di Malaysia.

Beberapa model teknologi telah dikenal pasti untuk dimajukan dan diketengahkan kepada industri sawit negara untuk digunakan bagi membantu dan meningkatkan pendapatan pekebun sawit. Di antara teknologi berkenaan adalah integrasi makanan ternakan sorghum (*Sorghum vulgare*) dengan sawit. Ia adalah tanaman baru yang diperkenalkan di Malaysia dalam industri ternakan.

Kajian yang dijalankan terbukti bahawa integrasi makanan ternakan sorghum bersama sawit tidak menjejaskan pertumbuhan pokok dan hasil sawit. Selain mempunyai nilai pemakanan yang tinggi kepada ternakan, makanan ternakan sorghum juga berupaya menggalakan perkembangan industri ternakan negara. Teknologi yang diperkenalkan ini, mengesyorkan sumber makanan ternakan baru dan juga jika diusahakan secara komersial boleh memberikan peluang pendapatan yang baik kepada pekebun sawit.

Pendekatan yang diambil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan menjalankan kajian penanaman makanan ternakan sorghum secara integrasi bersama sawit menggunakan sistem dua baris mampu berkualiti berterusan disamping dapat memaksimumkan penggunaan tanah.

Integrasi makanan ternakan sorghum di kawasan sawit menggunakan sistem sawit dua baris mampu memberi kepadatan tanaman sorghum sebanyak 71,428 pokok/hektar.

Penanaman dan Penyelenggaraan Foraj Sorghum

Mengikut kaedah sistem tanaman sawit dua baris, sawit ditanam dalam dua barisan dan jarak barisan ialah 15.2 meter. Jarak tanaman sawit dalam dua barisan pula ialah 6.1 m x 9.1 m dengan kepadatan tanaman sawit sebanyak 136 pokok/hektar, iaitu sama dengan sistem tanaman segi tiga biasa yang mempunyai jarak tanaman 9.1 m x 9.1 m.

Pembajaan tanah dijalankan sebanyak 3 pusingan, iaitu 2 kali bajak ping dan 1 kali bajak putar pada kedalaman 20-25 cm. Kawasan yang dibajak dibiarakan 5-7 hari sebelum pusingan pembajaan yang berikutnya dijalankan. Pusingan pembajaan yang berikutnya dijalankan selepas 5-7 hari program penuaian pertama hingga ketiga dijalankan. Jadual 1 menunjukkan program pembajaan yang dijalankan.

Kawalan rumput secara manual di-



Integrasi makanan ternakan sorghum dengan sawit

ground magnesium limestone (GML). Penanaman dijalankan pada cuaca yang sesuai, iaitu pada musim hujan yang sederhana (Februari-April). Bekalan biji benih yang berasal dari Australia boleh diperolehi daripada pembekal tempatan yang berlesen.

Makanan ternakan sorghum ditanam pada jarak 70 cm antara barisan dan 20 cm dalam barisan dengan kadar biji benih 7 kg/ha. Penanaman dilaksanakan secara tugal atau jentera selepas pembajaan asas dijalankan. Pusingan pembajaan yang berikutnya dijalankan selepas 5-7 hari program penuaian pertama hingga ketiga dijalankan. Jadual 1 menunjukkan program pembajaan yang dijalankan.

program penuaian berikutnya boleh dijalankan.

Bahagian tanaman yang dituai boleh terus dijual atau dijadikan sebagai makanan ternakan. Sorghum perlu dirack pada saiz 3-4 cm menggunakan mesin 'chopper' sebelum diberikan pada ternakan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa maklumat yang berkaitan potensi hasil foraj sorghum dan nilai permasalahannya berbanding rumput napier telah dikumpulkan (Jadual 2).

Model integrasi tanaman sawit sistem dua baris boleh dipraktikkan dalam negara. Integrasi sawit terbukti tidak memberikan interaksi negatif ke atas pertumbuhan pokok dan penghasilan tanaman sawit. Makanan ternakan sorghum mempunyai potensi yang baik untuk diintegrasikan dengan sawit sebagai pembekal makanan ternakan segar kepada industri ternakan di Malaysia. Di samping mempunyai nilai pemakanan yang baik berbanding makanan ternakan lain, ia juga membantu meningkatkan pendapatan pekebun sawit.

Potensi hasil dan nilai pemakanan Foraj Sorghum diintegrasikan dalam sawit berbanding rumput Napier

Jenis Foraj	Jumlah hasil (tan/ha/tahun)		Nilai pemakanan			
	Basah	Kering	Protein kasar (%)	Gerahan kasar (%)	Jumlah Nutrient Tercerna (%)	Tenaga Metabolisme (MJ/kg)
Foraj Sorghum	323.76	58.82	16.42	34.19	59.42	8.90
Napier	177.51	30.00	24.10	24.10	55.70	8.27

Program pembajaan Foraj Sorghum di kawasan tanaman sawit

Jenis Baja	Baja Asas (kg/ha/musim)	Baja Tambahan (kg/ha/musim)
Compound 15-15-15	500	-
Triple Superphosphate	98	-
Muriate of Potash	75	-
Urea*	-	150



SKIM DISKAUN CANTAS™ (SKIDIC)

JIMAT RM1000!!!

Untuk setiap unit pembelian Pemotong Sawit Bermotor (Cantas™)



KEGUNAAN CANTAS™

Untuk menuai tandan dan memotong pepohon sawit yang terbuai amat bekuan meningkatkan keberkesanan penualan.

KEBAIKAN CANTAS™

- Pantas - masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh memotong kerja-kerja lain serentak.
- Jimat tenaga - tidak memerlukan dan dapat mengurangkan masa bekerja.
- Multifungsi - mampu dibenditkan oleh wanita dan warga emas.
- Boleh guna - boleh memotong minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit.
- Meningkatkan produktiviti penualan.
- Meningkatkan produktiviti bagi yang mengambil upah penandiran.
- Boleh menjadi alternatif menggantikan upah manual di kebun orang lain.

SIAPA YANG LAYAK?

1. Warga negara Malaysia atau pernah tinggal di negara ini.
2. a. Bagi pekebun kecil penandiran yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penandiran adalah 3ha.
- b. Bagi penjual mengambil upah penandiran manual di kebun sawit milik pekebun-pekebun kecil dengan jumlah keluasan minimum adalah 20ha** atau menuai di kebun sawit yang dimiliki oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang merupakan gabungan beberapa penandiran, lokasi dan keagihan atau sekecil-sekecil lain yang dipulihkan oleh MPOB bagi ladang swasta/terbuka, jumlah keluasan minimum adalah 30ha @ 1 unit Cantas™.
3. Lohak yang dilulus mempunyai lesen MPOB (kecuali penanda penandiran terluar).

BAGAIMANA MEMOHON?

Permohonan melalui borang boleh dibuat melalui Pegawai TPTAB di kawasan anda.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

Shahrya Mohd Isahak Tel: 03-8764549
 Siti Zulakha Md Sali Tel: 03-8764252
 Faks: 03-8725446

lawati www.mpob.gov.my

**TUNGGU APA LAGI !!!
SIAPA CEPAT DIA DAPAT**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Kemajuan Perindustrian Kelapa Sawit



Pegawai Penyelidik MPOB, Dr Andrew Yap Kian Chung (kanan) dibantu Fatah Yah Abd Manaf ketika ditemubual mengenai **teknologi kawalan pencairan minyak sawit secara automatik** untuk kegunaan kilang minyak sawit.

Kawalan tahap cair hasil minyak kualiti

» *Teknologi baru dengan kawalan secara automatik melalui komputer*

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bharian.com.my

Kawalan pencairan minyak sawit sewaktu proses penjernihan di kilang memproses buah untuk menghasilkan minyak adalah amat penting dan memerlukan satu inovasi baru yang efisien bagi memisahkan minyak yang dihasilkan dari air dan pepejal sekali gus akan menghasilkan minyak sawit berkualiti.

Minyak sawit mentah yang dihasilkan kilang memproses buah kebiasaannya mempunyai tahap kelikatan yang tinggi dan perlu menjalani proses pencairan bagi menghasilkan minyak sawit yang jernih.

Teknologi baru

Kaedah konvensional pencairan minyak yang digunakan oleh pengilang adalah dengan penambahan air secara manual dengan menggunakan injap dan kebiasaannya proses ini gagal dikawal dengan sempurna oleh pengilang.

Jadi, kaedah seperti itu boleh mengakibatkan minyak sawit yang dihasilkan menjadi terlalu cair atau tidak cukup cair kerana penambahan dan campuran air secara manual selalunya menyebabkan tahap kecairan minyak sawit itu tidak stabil.

Oleh yang demikian, Pegawai Penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang diketuai Dr Andrew Yap Kian Chung dan dibantu Fatah Yah Abd Manaf, Zaid Yasir dan Dr N Ravi Menon menghasilkan satu teknologi baru yang tidak lagi memerlukan penambahan air ke dalam proses perahan minyak dengan menggunakan kaedah konvensional.

Kurang kehilangan minyak

Teknologi baru itu adalah kawalan pencairan minyak sawit secara automatik dengan menggunakan kawalan komputer di ma-

na penambahan air dilakukan mengikut skala yang sudah ditetapkan.

Dr Andrew ketika ditemubual pada Seminar Pemindahan Teknologi 2012 berkata, teknologi yang dikenali sebagai 'Automatic Crude Palm Oil Dilution Process Control System' itu bukan saja menghasilkan penjernihan yang cekap, malah dapat mengurangkan kadar kehilangan minyak semasa proses dijalankan kerana tambahan air hanya dibuat sekiranya diperlukan saja.

Kawalan komputer

Selain itu, beliau menyifatkan dengan menggunakan kawalan komputer, jumlah penggunaan air ditetapkan mengikut kandungan minyak sawit supaya sentiasa berada dalam keadaan stabil seperti yang ditetapkan iaitu sebanyak 39 peratus.

"Melalui cara tersebut, campuran air hanya dibuat sekiranya ia diperlukan saja, sekali gus, dapat mengurangkan jumlah air buangan kerana penetapan tahap cair minyak sawit yang dihasilkan itu dilakukan menerusi kaedah automatik.

"Penggunaan teknologi moden ini lebih mudah dan meningkatkan kecekapan kilang memproses minyak sawit," katanya.

Sebelum ini, penggunaan kaedah lama mengakibatkan kadar kehilangan minyak adalah tinggi ke dalam air buangan kerana pencairan yang dilakukan tidak mengikut kehendak dan terlalu lebih air.

"Kajian dan penyelidikan yang dijalankan bagi membangunkan teknologi kawalan pencairan minyak secara automatik ini mengambil masa dua tahun untuk disiapkan dan ianya adalah hasil daripada idea kumpulan ini sendiri."

"Teknologi ini telah mendapat perhatian kebanyakan kilang di negara ini kerana fungsinya yang lebih canggih dan fleksibel selain berupaya membantu bagi penghasilan minyak sawit yang berkualiti," katanya.

ANNOUNCEMENT

2012

NATIONAL SEMINAR ON
PALM OIL MILLING, REFINING,
ENVIRONMENT AND QUALITY

POMREQ

27-28 November 2012
Magellan Sutera Harbour Resort
Kota Kinabalu, Sabah



ENQUIRIES

Ruba'ah Masri 03-8769 4567
rubaah@mpob.gov.my

Solehah Abd Bab 03-8769 4867
solehah@mpob.gov.my



Organised by
MALAYSIAN PALM OIL BOARD
MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES, MALAYSIA
www.mpob.gov.my

Teknologi MoveFast percepat biak kultur sawit

» Sistem lebih ekonomikal, tingkat pengeluaran pokok klon lebih efisien

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bharian.com.my

BIDANG teknologi dalam penghasilan anak pokok sawit berkualiti menjadi pilihan kebanyakan sektor perladangan bagi memastikan anak pokok sawit yang ditanam di ladang-ladang akan menghasilkan buah tandan segar (BTS) berkualiti, sekali gus mempertingkatkan pengeluaran minyak sawit untuk pasaran dalam dan luar negara.

Sempena Seminar Pemindahan Teknologi 2012 (TOT 2012) di ibu pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bulan lalu, sekumpulan pe-

nyelidik yang diketuai Dr Ahmad Tarmizi Hashim memperkenalkan kaedah terbaru dalam penghasilan anak pokok klon sawit, iaitu menggunakan sistem vesel digabung dengan pemindahan pantas media (MoveFast).

Dr Ahmad Tarmizi berkata, teknologi yang dipaparkan pada hari berkenaan berkaitan dengan pembiakan dan pengeluaran kultur sawit selepas dilakukan penambahbaikan terhadap teknologi lama, iaitu Modified Vessel (MoVess).

Dua kaedah teknologi

Pada asasnya, beliau menjelaskan bahawa terdapat dua kaedah teknologi yang digunakan bagi proses pengeluaran klon sawit, iaitu kaedah media pepejal dan kaedah media cecair. Kaedah pengeluaran secara kultur tisu ini adalah tanpa menggunakan biji benih seperti cara konvensional.

Teknik terbaru MoveFast yang bersedia untuk dipindahkan ke pihak industri adalah penambahbaikan kaedah yang menggunakan media cecair.

"Biasanya kaedah media ce-

cair dilakukan dengan menggunakan kelalang dan penggoncang tetapi ia menjadi sukar kerana skala pengeluarannya terlalu kecil sedangkan untuk pembiakan dan peningkatan pengeluaran kultur sawit memerlukan skala besar".

"Disebabkan itu MPOB melalui kajian yang dibuat menghasilkan satu sistem yang dikenali sebagai MPOB-MotoVess untuk sistem kultur tisu cecair bagi tujuan pengklonan sawit," katanya.

Bagaimanapun, kajian demi kajian dibuat dan akhirnya sistem terbabit dipertingkatkan sehingga menghasilkan teknologi baru, iaitu MoveFast yang lebih

menjimatkan masa bagi pembiakan kultur cecair berskala besar.

Tambah beliau, sekiranya MotoVess memerlukan masa hampir sejam untuk proses perpindahan media cecair untuk tujuan pembiakan kultur sawit tetapi sistem MoVeFast ini hanya mengambil masa selama lima minit saja kerana ia boleh dilakukan terus di bilik kultur (on-site) dan pada bila-bila masa.

Selain itu, beliau berkata, sistem berkenaan bukan saja lebih ekonomikal tetapi berupaya meningkatkan pengeluaran pokok klon dengan lebih efisien daripada sistem media pepejal. Secara purata, hasil klon sawit dapat meningkatkan kadar kandungan minyak di antara sepuluh hingga 20 peratus berbanding menggunakan biji benih.

"Bagi pengeluaran klon termasuk dengan menggunakan teknologi MoVeFast ini, pemilihan pokok sawit terbaik perlu dibuat bagi menghasilkan pokok klon bermutu tinggi. Proses terbabit boleh mengambil masa antara dua hingga empat tahun," katanya.





Dr Ahmad Tarmizi bersama peralatan bagi menghasilkan teknologi MoveFast yang menjimatkan masa untuk pembiakan kultur cecair berskala besar.

First Announcement

5th NATIONAL SEMINAR ON OIL PALM MECHANISATION

PalmMech 2012

ACCELERATING MECHANISATION FOR HIGHER PRODUCTIVITY

ENQUIRIES
Ruba'ah Masri 03-8789 4567 rubaah@mpob.gov.my
Salimah Husin 03-8789 4873 salima@mpob.gov.my

16 - 17 October 2012 | Putrajaya Marriot Hotel Putrajaya

Organised by
MALAYSIAN PALM OIL BOARD
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia
www.mpob.gov.my



Hak Malaysia untuk membangun

» *Kempen NGO Barat tak gugat permintaan dunia terhadap minyak sawit*

Minyak sawit masih kekal mendapat permintaan yang tinggi di pasaran dunia meskipun pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) melakukan pelbagai kempen anti minyak sawit bagi menimbulkan kesan negatif ke atas komoditi berharga ini. Taktik ini tidak menggugat permintaan kerana pengguna kurang yakin dengan maklumat disampaikan NGO Barat.

NGO sering memberikan maklumat berat sebelah tanpa menjelaskan sumber untuk tujuan manipulasi. Ayat yang digunakan begitu mudah iaitu "...telah dilaporkan", tanpa membuktikan kesahihan sesuatu maklumat.

Perlu bukti kukuh

Bukti-bukti kukuh seharusnya dinyatakan dan bukan sekadar dalam bentuk dakwaan. Mereka menyedari bahawa lebih banyak perhatian boleh diraih dengan pendedahan tidak masuk akal seperti pembunuhan 300 orang utan atau penebasan hutan seluas 300 padang bola setiap minit untuk tanaman sawit.

Sejak 1976, Malaysia telah mempunyai undang-undang berkaitan pemuliharaan alam sekitar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sejumlah 15 kawasan hutan seluas 5,600km persegi dirizabkan. Ini petanda komitmen kerajaan untuk memelihara alam



flora dan faunanya. f

Sehingga kini, 56 peratus daripada kawasan tanah negara masih diliputi hutan. Ini satu fakta penting memandangkan negara dunia sebenarnya hanya perlu menyimpan 10 peratus daripada kawasan tanah sebagai hutan simpan.

Teroka hutan simpan

Penerokaan hutan simpanan untuk tujuan penanaman sawit adalah satu kesalahan. Tindakan boleh diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, manakala lesen syarikat terbabit boleh dibatalkan oleh Lembaga Sawit Malaysia (MPOB).

Ini kerana, Malaysia merancang penggunaan tanah bagi tempoh jangka masa panjang dan diwartakan untuk tujuan pembangunan, pertanian, dan perhutanan. Tanaman sawit di Ma-

laysia hanya boleh menggunakan tanah yang diperuntukkan secara sah untuk pertanian dan tidak boleh dilakukan di atas tanah hutan simpan mengikut Akta Parlimen.

Petani memilih untuk menanam tanaman sawit yang lebih lumayan termasuk di tanah kosong yang terbiar setelah tidak sesuai ditanam dengan padi, getah, koko dan kelapa.

Dalam erti kata lain, tiada bezanya tanah untuk tanaman sawit di sini bila dibandingkan dengan kawasan tanah tanaman lain seperti getah, kopi, padi, kacang soya, biji sesawi dan bunga kanola.

Peranan MPOB

MPOB yang bertanggungjawab menguruskan plesenan dan kawal selia untuk seluruh rangkaian pengeluaran minyak sawit merangkumi penanam, pengilang, penapis, pemproses, penjual dan pembeli minyak sawit. Pengurusan yang telah dijalankan selama beberapa dekad ini, dapat memastikan industri berkembang dengan sempurna.

Negara membangun perlu mendefinisi semula erti kemampuan bagi mereka, sejajar dengan pendekatan pengekalan kawasan hutan yang diamalkan oleh negara maju.

Tindakan ini perlu kerana terdapat penurunan penyumbangan sektor pertanian terhadap GDP daripada 15 peratus pada tahun 80-an kepada hanya 8 peratus pada masa kini. Puncanya termasuk proses perindustrian dan perpindahan 60 peratus daripada golongan muda ke kawasan bandar.

Tekanan buat Malaysia

Malaysia, seperti negara membangun lain, menghadapi tekanan untuk meningkatkan pendapatan dan menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan. Oleh itu, sukar untuk terus mengekalkan peratusan kawasan hutan sekarang.

Hutan pula memberikan pendapatan 30 kali lebih rendah berbanding tanah pertanian. Maka, Malaysia perlu mencontohi negara maju yang mengurangkan kawasan hutan mereka kepada jumlah yang lebih praktikal. Jika tidak, sukar untuk menjadi ne-

gara maju kerana tersekat daripada menggunakan aset tanah sendiri.

Tambahan pula, tiada imbuhan diberikan biarpun mempunyai peratusan tinggi hutan simpan.

Pihak NGO yang mendesak untuk kawasan hutan dikekalkan, tidak memikirkkan keperluan pembangunan mampan negara membangun. Mereka lebih mementingkan pen-

janaan pendapatan bagi mencapai misi alam sekitar.

Penggunaan tanah untuk penanaman sawit di Malaysia kurang daripada 0.1 peratus daripada jumlah keluasan kawasan pertanian dunia. Tanaman sawit di Malaysia pula hanya menggunakan 15 peratus daripada jumlah keluasan tanah negara berbanding 56 peratus kawasan hutan.

Angka ini menunjukkan Malaysia telah memilih untuk menyimpan hutan dan bukan mengejar pendapatan tinggi semata-mata melalui pembangunan pertanian.

Pulihkan tanah terbiar

Ini berbeza dengan Australia yang masih berterusan menebas hutan pada kadar 3 hingga 5 kali lebih tinggi daripada Malaysia sepanjang 10 tahun kebelakangan ini walaupun hanya mempunyai baki 18 peratus kawasan hutan.

NGO Barat seharusnya melobi kerajaan mereka untuk meningkatkan kembali keluasan kawasan hutan melalui pengurangan kawasan pertanian.

Ini boleh dilakukan kerana kawasan hutan dan tanah pertanian sebenarnya boleh saling bertukar bentuk. Contohnya, kawasan sekeliling Chernobyl yang dikosongkan akibat kemusnahan

INFO

Sidang Kemuncak Dunia 1992 di Rio de Janeiro

Malaysia mengisytiharkan 50 peratus keluasan tanah akan dikekalkan hutan simpan.

loji nuklear kini menjadi hutan sepenuhnya, lengkap hidupan liar. Ini membuktikan bahawa tanah terbiar boleh dipulih semula menjadi hutan manakala penanaman pokok mempercepatkan proses tersebut.

Larangan pihak NGO ke atas negara membangun yang mahu mencontohi kadar penebasan hutan negara maju adalah satu ketidakadilan.

Sesetengah negara maju seperti Australia dan Kanada masih lagi berterusan menebas hutan walaupun sepatutnya pada masa ini, mereka melakukan penanaman semula hutan seperti yang dilakukan di negara Jerman.

Tiga negara yang boleh dijadikan contoh dalam menetapkan peratusan hutan untuk negara membangun adalah Amerika Syarikat (33 peratus), Australia (19 peratus) dan United Kingdom (11 peratus).

Berdasarkan peratusan keluasan tersebut, kadar 33 peratus hutan Amerika boleh dirumuskan sebagai peratusan sesuai penyimpanan kawasan hutan. Tambahan pula, jika peratusan itu memadai untuk Amerika, maka ia juga boleh dicontohi oleh negara membangun.

Masih banyak hutan


Pengekalan 56 peratus kawasan hutan di Malaysia bukanlah satu angka yang mampan untuk sebuah negara yang mahukan status negara maju.

Ada dua penyelesaian bagi mereka yang membantah penurunan peratusan penyimpanan hutan. Pampasan patut diadakan untuk negara membangun yang mengekalkan peratusan hutan yang lebih tinggi daripada ditetapkan atau mendesak negara maju melakukan tanam semula hutan. Ini akan menyeimbangkan situasi yang sedang berlaku.

Kesimpulannya, industri sawit bukanlah pengguna besar tanah pertanian, dan pastinya bukan punca pembasmian hutan kerana telah ditanam di atas tanah yang sememangnya dikhaskan untuk tujuan pembangunan dan pertanian. Malahan peratusan kawasan hutan di Malaysia masih tinggi berbanding negara maju.

Bagaimanapun, tindakan mengekalkan peratusan kawasan hutan sekarang adalah tindakan tidak mampan dan akan membantutkan pembangunan dan kemajuan yang diperlukan oleh rakyat negara ini.

Artikel ini telah diterjemah daripada artikel asal yang bertajuk "Countries at a Disadvantage for Maintaining Large Forest Cover". Sila layari <http://www.ceopalmoil.com> untuk mendapatkan salinan asal artikel ini.





Golongan muda sektor perladangan sawit bantu tingkat produktiviti

Tenaga buruh memainkan peranan penting dalam pembangunan industri sawit negara. Namun kurangnya minat dan penglibatan anak tempatan menyebabkan negara amat bergantung kepada tenaga buruh asing dalam menajayakan industri ini. Pihak industri sawit menyokong sepenuhnya usaha kerajaan mengurangkan kebergantungan tenaga buruh asing. Walau bagaimanapun pihak industri berpendapat tenaga buruh asing masih diperlukan.

Peralatan mekanisasi sedia ada hanya mampu membantu mengurangkan beban dan meningkatkan produktiviti pekerja tetapi belia mampu mengurangkan sepenuhnya kebergantungan kepada tenaga buruh asing. Industri sawit bakal mewujudkan ratusan ribu peluang pekerjaan kepada generasi akan datang. Peluang ini dibuka kepada remaja dan belia tempatan bagi menceburi kerjaya di sektor perladangan sawit dan ia sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pembangunan modal insan dan melahirkan tenaga kerja tempatan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran, bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di ladang sawit.

KOML keluar 400 graduan

Bagi meningkatkan minat dan kecakapan anak tempatan menceburi bidang mekanisasi ladang, MPOB menawarkan Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) sejak 2006 dan hingga kini telah mengeluarkan lebih 400 graduan yang terdiri daripada lepasan sekolah yang mampu mengurangkan sedikit kebergantungan kepada tenaga buruh asing. Aktiviti promosi juga perlu dilakukan dengan

lebih kerap. Melalui seminar, perunjukan kaedah di ladang, pameran dan juga ceramah bagi mewujudkan kefahaman mengenai teknologi mekanisasi terkini.

Dalam usaha menarik minat rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) juga menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC). Di sini pelbagai kursus ditawarkan antaranya

produksi coklat reka bentuk dan pembuatan perabot, teknologi dan operasi mesin kayu, penyelenggaraan tapak semeaian, operator mekanisasi ladang dan kursus latihan pegawai pengembangan pengurusan kilang.

IMPAC latih belia tempatan

Perkembangan pesat industri sawit negara mendorong pusat latihan ini diwujudkan bertujuan melatih golongan belia tempatan yang berminat menceburi kerjaya dalam industri komoditi ini. Ini selaras dasar kerajaan bagi menggalakkan belia tempatan bekerja di sektor perladangan yang kini sebahagian besarnya dimonopoli pekerja asing. Ia institusi latihan kemahiran untuk melatih belia dan pekerja bagi memenuhi permintaan tenaga kerja separa mahir di sektor perladangan dan industri berasaskan komoditi.

Selain itu, ia bertujuan mempromosikan dan menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang kerjaya di sektor perusahaan perladangan dan komoditi pada masa hadapan. Melalui seminar dan pameran, maklumat mengenai peluang kerjaya dalam sektor perladangan termasuklah di bidang agronomi, kejuruteraan dan keusahawanan dapat

disampaikan bagi menarik orang ramai terutamanya golongan muda bagi mendapat maklumat tepat mengenai perkembangan dan peluang kerjaya ditawarkan di samping maklumat perkembangan setiap industri komoditi. Di sini pelatih berpeluang memanfaatkan ilmu dan kemahiran diperolehi dengan menjadi usahawan dalam bidang penjenteraan ladang atau bidang berkaitan. Sektor perladangan bukan saja menyediakan peluang pekerjaan di ladang malah di bahagian pengurusan juga.

Kursus rangsang sektor komoditi

Kursus yang dilaksanakan itu adalah untuk merangsang pembangunan sektor komoditi supaya lebih moden dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara. IMPAC akan terus menyediakan dan menganjurkan kursus yang sesuai sepertimana kehendak pasaran bagi menarik minat belia lepasan sekolah dan pengajian tinggi bekerja di sektor perladangan. Penuhuan IMPAC bukan saja berupaya melahirkan modal insan tempatan berkemahiran malah menggalakkan belia tempatan menceburi kerjaya di sektor perladangan, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing. Melalui permodenan sektor ini sasaran kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya pekebun kecil ke tahap yang lebih tinggi. Kerajaan bukan saja menggalakkan penglibatan dalam sektor perladangan malah memastikan rakyat melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan berdasarkan tanaman.

Adalah menjadi aspirasi MPOB dan kerajaan agar penyertaan golongan muda dapat menyumbangkan tenaga dan keringat bagi memperkukuhkan industri sawit, khususnya dalam penerapan bidang mekanisasi di perladangan sawit kerana ianya dapat membantu meningkatkan produktiviti.

INFO

PEMENANG PERTAMA

- Nurhidayah Yusoff
- K/P: 960803-03-5230
- SMK Batu Muda, Kampung Batu Muda, Kuala Lumpur.

Peraduan mengarang esei Berita Sawit Julai 2012

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berbandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Kerjasama perdagangan Malaysia dan negara lain perkukuhkan industri sawit. Bincangkan"

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Ogos 2012 akan datang.

Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
- Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
- Keputusan juri adalah muktamad
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada 26 Julai 2012
- Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Jun 2012

Pemenang:
Hadiah Pertama
Nurhidayah Yusoff
(No. K/P: 960803-03-5230)
SMK Batu Muda, Kampung Batu Muda, Kuala Lumpur

Hadiah Kedua
Nur Fatin Nabilah Rahim
(No. K/P: 950504-10-5404)
SMK Jalan kebun, Seksyen 32, Shah Alam, Selangor

Hadiah Ketiga
Azri Syahir Burhanordin
(No. K/P: 970327-14-5787)
Maktab Sultan Ismail, Jalan Telipot, Kota Bharu, Kelantan

KUIZ SAWIT

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 26 Julai 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 19)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 19

- Sempena Seminar Pemindahan Teknologi 2012, MPOB melancarkan.....teknologi danperkhidmatan.
 - 28 teknologi dan 12 perkhidmatan
 - 26 teknologi dan 14 perkhidmatan
 - 27 teknologi dan 13 perkhidmatan
- MPOB memperkenalkan sejenis jentera yang digunakan di kawasan tanah gambut dan lembut dikenali sebagai.....
 - Beluga Dolphin
- Akronim Seminar Perdagangan Minyak Sawit dalam bahasa Inggeris ialah.....
 - OPTS POTS PTS
- Kelebihan produk berasaskan poliuretana sawit adalah yang berikut kecuali...
 - Ringan Telap air Mudah dipasang
- Dalam industri sawit, BTS adalah singkatan bagi...
 - Buah tandan sawit Buah tandan segar Buah tanda separa
- Kaedah berikut yang tidak digunakan bagi pembiakan pokok sawit
 - Klon Kultur tisu Tut
- Kulit yang menyebabkan penyakit reput pangkal batang pada pokok sawit dikenali sebagai...
 - Lingzhi Cendawan Tiram Ganoderma
- NKEA sawit mensasarkan Pendapatan Negara Kasar (GNI) yang dijana melalui industri sawit menjelang tahun 2020 berjumlah...
 - RM52.9 bilion RM178 bilion RM230.9 bilion
- Berapa kerap acara Seminar Pemindahan Teknologi diadakan?
 - Setiap dua tahun sekali Dua kali setiap tahun
 - Setiap tahun
- Negara manakah yang menjadi pengimport utama minyak sawit
 - Malaysia China Indonesia

Nama pemenang Siri 19

- Mohd Zakwan bin Yusoff
Sek. Keb. Taman Koperasi Polis, Kuala Lumpur
- Aidah Syuhada Abd Samad
Sek. Keb. Sungai Kantan, Kajang, Selangor
- Nurfarahana Mohd Johan
Sek. Keb. Kem Gemas, Negeri Sembilan
- Danial Al-Hakim Mohd Saman
Sek. Keb. Seksyen 7, Jalan Plumbum, Negeri Sembilan
- Muhammad Firdaus Talib
Sek. Keb. Sura 2, Dungun, Terengganu
- Nur aliah Abdullah
Sek. Keb. Sg. Korok Lama, Alor Setar, Kedah
- Jamal Jamil
Sek. keb. Seri Kundang, Rawang, Selangor
- Arleesya Najwa Arman
Sek. Keb. Tunku Azizah, Pahang
- Muhammad Afiq Abd Aziz
Sek. Keb. Sultan Ibrahim (1), Pasir Mas, Kelantan
- Siti Najat Nasuha Shariffuddin
Sek. Keb. Jalan Matang Buluh, Bagan Serai, Perak



Tan Sri Bernard Dompok melancarkan 'Biofertiliser Hendersonia GanoEF' selepas majlis perasmian Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) 2012 baru-baru ini. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (kiri), Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, M. Nagarajan (kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan) dan Ketua Eksekutif syarikat All Cosmos Industries Sdn Bhd, Datuk Tony Peng Shih Hao (tiga dari kanan).



Tan Sri Bernard Dompok menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman (MoU) antara MPOB yang diwakili oleh Datuk Dr Choo Yuen May dengan syarikat Mizou Holding Sdn Bhd yang diwakili oleh Hartini Hassan bagi pembangunan prototaip kenderaan pengangkut pelbagai guna untuk kegunaan ladang tanah gambut dan tanah lembut.



Tan Sri Bernard Dompok mendengar penjelasan Ketua Eksekutif, Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Dr Chan Kok Weng semasa lawatan ke gerai pameran IMPAC. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May.



Tan Sri Bernard Dompok makan satay daging lembu hasil integrasi dengan tanaman sawit yang dipamerkan sempena TOT 2012.



Dato' Hamzah Zainudin menyampaikan replika cek bantuan Skim Tanam Semula Sawit (SITS) kepada Pengurus Rancangan Felda Soeharto, Hulu Langat, Selangor untuk pembiayaan tanam semula pokok sawit oleh peneroka rancangan tersebut.



Datuk Dr Choo Yuen May bersama penasihat kepada Menteri Luar Republik Kyrgyz, Azizbek Madmarov semasa lawatan ke MPOB bagi menjalin hubungan antara dua negara termasuk dalam bidang perdagangan produk sawit. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din (dua dari kanan) dan Ahmad Sidek Stroo (kanan).